

KERATAN AKHBAR OKTOBER 2022

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	PELUANG JADI MAHASISWA PERTAMA DALAM KELUARGA	HARIAN METRO MS 13	11-Oct-22	KPT
2	CINTA ALLAH, INGAT RASUL	HARIAN METRO MS 15	11-Oct-22	AGAMA
3	DUA WARGA EMAS DATAR SAMBUNG PENGAJIAN DI UNISZA	UTUSAN MALAYSIA MS 29	12-Oct-22	KPT
4	KAGUM SEMANGAT MAHASISWA BAHARU	SINAR HARIAN MS 16	13/10/2022	KPT
5	PEMIMPIN BAIK DIREDAI ALLAH	HARIAN METRO MS 15	15-Oct-22	AGAMA
6	UNDI POS PELAJAR IPT	UTUSAN MALAYSIA MS 2	25-Oct-22	KPT
7	246 PELAJAR IPT TERIMA BANTUAN RM500	SINAR HARIAN MS 12	30-Oct-22	KPT
8	PELAJAR IPT SENTIASA DIBANTU	SINAR HARIAN MS 19	30-Oct-22	KPT
9	PROGRAM BANTUAN KPT-PTPTN PRIHATIN BANTU PELAJAR IPT	BERITA HARIAN MS 14	30-Oct-22	KPT

IKON TERBAIK SEPANJANG ZAMAN

Cinta Allah, ingat Rasul

Bersama
Mohd Shahrizal
Nasir

Sesungguhnya
pada diri
Rasulullah
SAW terdapat
contoh ikutan
yang terbaik
untuk kita
memperoleh
kejayaan
duniawi dan
ukhrawi



Kita masih lagi berada dalam bulan Rabi' al-Awwal iaitu bulan yang sinonim dengan kelahiran junjungan besar nabi Muhammad SAW.

Sepertimana manusia lain, Rasulullah SAW dilahirkan dengan sifat yang sempurna namun tanpa kehadiran ayahanda yang meyambut kelahiran baginda. Rasulullah SAW lahir dalam keadaan yatim, namun pastinya semua takdir itu ditentukan dengan hikmah daripada Allah SWT.

Kelahiran Rasulullah ke dunia mempunyai misi yang jelas. Baginda lahir di tengah-tengah masyarakat Arab yang tidak beriman kepada Allah SWT.

Tugas baginda amat besar meskipun perjalanan hidup baginda penuh dengan dugaan lebih-lebih lagi tatkala ayahanda dan bonda baginda meninggalkan kehidupan dunia tanpa berkesempatan membesarkannya.

Allah SWT menjelaskan perihal perutusan Rasulullah menerusi firman-Nya yang bermaksud: "Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasulullah (Muhammad) dengan membawa kebenaran daripada Tuhan kamu, maka berimanlah kamu (kerana yang demikian itu) amatlah baik bagi kamu. Dan jika kamu kufur ingkar (maka kekufuran kamu itu tidak mendatangkan kerugian apa-apa kepada Allah), kerana sesungguhnya bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan di bumi; dan Allah sentiasa Mengetahui lagi Maha Bijaksana." (Surah an-Nisa', ayat 170)

Hari ini kita tidak berkesempatan menemui Rasulullah SAW. Namun dengan keyakinan dan keimanan yang kukuh, kita mempercayai kebenaran yang dibawa oleh Baginda SAW.

Setiap sunah baginda sama ada dari segi pengucapan, perbuatan, pengakuan dan sifat baginda merupakan sumber ilmu utama dalam Islam selain al-Quran.

Rasulullah SAW bersabda yang dinukilkan dalam kitab al-Muwatta' oleh Imam Malik bermaksud: "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selama kamu berpegang dengan keduanya, iaitu Kitab Allah (al-Quran) dan sunnahku."

"Justeru, tiada lagi keraguan yang timbul berkenaan segala tindakan Rasulullah SAW dalam apa juga isu atau permasalahan. Semua yang ditunjukkan dalam



MEREKA yang mentaati perintah Allah pastinya turut mencintai dan dicintai Rasulullah SAW.

perjalanan hidup Baginda merupakan sunah yang perlu dicontohi. Tiada ikon yang lebih utama untuk kita contoh selain daripada Rasulullah SAW. Baginda bukan malaikat atau makhluk asing, baginda adalah manusia seperti kita semua.

Oleh itu, tiada sebarang kejanggalan dalam mengikut setiap perkara yang telah ditunjukkan oleh Baginda.

Ketahuilah bahawa sekiranya kita ingin menjadi hamba Allah yang dikasihi oleh-Nya, maka kita perlu mengikuti setiap ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Allah berfirman dalam al-Quran yang bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): 'Jika benar kamu (umat Muhammad) mengasihi Allah maka ikutilah aku (Rasulullah), nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.'" (Surah Ali 'Imran, ayat 31)

Bagi mencontohi keperibadian Rasulullah SAW serta menambah kecintaan kita kepada Baginda, beberapa perkara perlu diusahakan secara serius dan istiqamah. Pertama ialah mempelajari hadis-hadis yang sahih daripada Baginda serta mempraktikkan kandungannya dalam kehidupan seharian. Setiap perkara berkaitan dengan Islam pasti ada huraian-Nya dalam hadis Rasulullah SAW. Malah hadis Baginda banyak menjelaskan maksud wahyu Allah SWT.

Sebagai contoh, huraian secara terperinci tentang pelaksanaan ibadah solat banyak dijelaskan oleh Baginda SAW melalui hadis-hadis yang sahih. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Solatlah kalian sepertimana kalian melihat aku solat." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Kedua ialah menghayati sirah atau perjalanan hidup Baginda yang mengandungi pelbagai hikmah dan pengajaran.

Meskipun Rasulullah SAW merupakan insan istimewa di sisi Allah, namun baginda tetap menjalani kehidupan normal seperti manusia lain.

Ada kalanya Baginda gembira dan ada kalanya baginda berdukacita. Namun dengan petunjuk daripada Allah SWT dan usaha Baginda yang cekal, semua perkara dapat ditangani dengan baik sehingga Islam berada pada kedudukan yang tinggi.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Maka, sesungguhnya sesiapa di antara kamu yang hidup selepasku dia akan melihat banyak perselisihan, maka hendaklah kamu berpegang dengan sunahku dan sunah Khulafa' ar-Rashidin yang diberi petunjuk, gigitlah ia dengan gigi geraham (berpegang kepada sunah dengan sekuat hati)." (Hadis riwayat Abu Dawud)

Ketiga pula ialah mengingat Rasulullah SAW dengan memperbanyakkan selawat ke atas Baginda SAW.

Sebenarnya, bagi yang menunaikan solat fardu lima waktu, banyak kali kita berselawat ke atas Rasulullah SAW kerana ia termasuk dalam bacaan tahiyat awal dan akhir. Namun, sebagai tanda cintakan Baginda SAW, kita perlu perbanyakkan selawat di luar ibadah solat. Rasulullah SAW menjelaskan ganjaran bagi Muslim yang berselawat ke atas Baginda sepertimana dalam hadis yang bermaksud: "Sesiapa yang berselawat ke atasku sekali, Allah berselawat (memberi kebaikan) ke atasnya sepuluh kali." (Hadis riwayat Muslim)

Selain tiga perkara berkenaan, banyak lagi cara untuk kita menambah kecintaan kepada

Rasulullah SAW.

Sesungguhnya seluruh hidup Baginda dikorbankan untuk memastikan umatnya beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Tidak mampu untuk kita membalas setiap pengorbanan Baginda yang amat tinggi nilainya. Rasulullah SAW pernah menjelaskan betapa umat Baginda sangat beruntung termasuk mereka yang beriman kepada Baginda, mempercayai dakwah Baginda, mencintai Baginda, serta menyebarkan dakwah Baginda meskipun tidak berkesempatan bertemu dengan Baginda.

Kitalah umat akhir zaman yang dimaksudkan Baginda SAW kerana hakikatnya keimanan kita terhadap dakwah Baginda tanpa pernah menyaksikan tubuh Baginda di depan mata. Kita beriman kepada Rasulullah SAW kerana itulah yang diperintahkan Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya: "Beruntunglah orang yang melihatku dan beriman kepadaku. Kemudian beruntunglah, kemudian beruntunglah, kemudian beruntunglah bagi orang yang beriman kepadaku walhal mereka tidak melihatku." (Hadis riwayat Ahmad)

Sesungguhnya pada diri Rasulullah SAW terdapat contoh ikutan yang terbaik untuk kita memperoleh kejayaan duniawi dan ukhrawi. Usahlah kita berada dalam keadaan mencari-cari ikon selain daripada Rasulullah SAW, kerana bagindalah insan yang sewajarnya diikuti daripada segenap hal.

Kecintaan kepada Rasulullah SAW mestilah mengatasi kecintaan kita kepada manusia lain. Inilah yang dipesan oleh Baginda SAW menerusi sabdanya bermaksud: "Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga aku (Rasulullah) lebih dicintai daripada orang tuanya, anaknya dan manusia keseluruhannya." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Hanya dengan mengingat Allah SWT, kita akan turut mengingat Rasulullah SAW, begitu juga sebaliknya. Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan) baik) pada hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingat Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)." (Surah al-Ahzab, ayat 21)

Penulis Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

MEMILIH 'KHALIFAH' BERTANGGUNGJAWAB

Pemimpin baik diredai Allah

Bersama
Mohd Shahrizal
Nasir

Pemimpin perlu
sedar bahawa
pelantikannya
sebagai
pemimpin
merupakan satu
pertanggung-
jawaban (taklif)
dan bukan satu
kemuliaan
(tashrif) untuk
dimegahkan



Setiap manusia di muka bumi menggalas amanah Allah SWT sebagai khalifah. Khalifah dalam menjalankan tugas memakmurkan bumi Allah SWT mengikut ketetapan-Nya. Apabila bumi ini makmur, natijah daripada pelaksanaan amanah Allah SWT, maka kehidupan dunia akan terus mendapat rahmat dan keberkatan daripada-Nya. Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang maksudnya: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." (Surah al-Baqarah, ayat 30)

Daripada beberapa pengertian 'khalifah' yang diberikan oleh ulama, satu pengertian yang mudah difahami merujuk khalifah sebagai "seorang yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk mengatur kehidupan manusia di bumi dengan berdasarkan wahyu dan syariat Allah, supaya kehidupan manusia itu teratur dan mempunyai tujuan hidup yang suci murni untuk mencapai keredaan Allah." (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman)

Begitu besar tanggungjawab seorang khalifah Allah SWT. Hakikatnya, meskipun tanggungjawab sebagai khalifah merupakan tanggungjawab setiap insan, tetapi tidak semua mampu melaksanakannya tanpa petunjuk Ilahi. Malah ada insan yang lupa tentang amanah kepemimpinan, lantas melakukan perbuatan yang melanggar ketetapan Allah SWT.

Ingatlah setiap daripada kita bertanggungjawab atas perkara yang dilakukan. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang bermaksud: "Setiap kamu merupakan pemimpin dan kamu semua bertanggungjawab terhadap orang di bawah jagaanmu. Seorang pemerintah ialah pemimpin dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya." (Muttafaq 'alaih)

Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud: "Wahai orang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanah yang diberi kepercayaan kepadamu, sedang kamu mengetahuinya." (Surah al-Anfal, ayat 27)

Malaysia akan berdepan dengan satu lagi bukti amalan demokrasi melibatkan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15). Banyak perkara yang dibincangkan dalam media berkenaan dengan proses PRU-15. Pada waktu ini, perlu menjadi



ALLAH SWT memerhati dan menilai tanggungjawab yang dipikul oleh pemimpin.

ingatan bahawa semua yang akan terlibat dalam PRU-15 wajib menginsafi mereka memikul tanggungjawab sepenuhnya atas setiap keputusan yang dilakukan.

Hasilnya nanti pihak yang mencapai kemenangan wajib melaksanakan tanggungjawab yang secara sukarela dipilih oleh mereka sendiri. Tanggungjawab besar memimpin masyarakat perlu dilaksanakan dengan penuh ikhlas dan tanggungjawab. Dalam sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia, setiap pemimpin yang terpilih untuk menjadi pemimpin perlu memimpin dan menjaga kebajikan rakyat tanpa mengira bulu, meskipun rakyat tersebut tidak memilihnya dalam undi pilihan raya.

Sesungguhnya Allah SWT sentiasa memerhati dan menilai setiap tanggungjawab yang dipikul oleh pemimpin. Tibalah masanya nanti untuk pemimpin menjalankan tugas dengan terbaik kerana ia merupakan satu amanah. Firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud: "Sesungguhnya sebaik-baik orang hendak engkau ambil untuk bekerja ialah yang kuat (berkemampuan) dan amanah (dipercayai)." (Surah al-Qasas, ayat 36)

Setiap pemimpin perlu sedar mereka wajib berusaha untuk mempermudah urusan orang lain. Jangan hanya manis di bibir menabur janji namun tidak menghiraukan kebajikan rakyat setelah menang menjadi pemimpin. Rasulullah SAW memberi ancaman kepada pemimpin yang tidak menjalankan tugas yang diamanahkan menerusi hadis yang bermaksud: "Ya Allah, sesiapa sahaja yang mengurus urusan umatku, lalu dia menyusahkan umatku, maka susahkanlah dia." (Hadis riwayat Muslim)

Pemimpin yang

bertanggungjawab tidak akan meminta apa-apa keistimewaan untuk diri dan keluarganya. Malah dia tidak menganggap dirinya lebih baik daripada orang lain. Pemimpin perlu sedar bahawa pelantikannya sebagai pemimpin merupakan satu pertanggungjawaban (taklif) dan bukan satu kemuliaan (tashrif) untuk dimegahkan. Perkara penting ini perlu sentiasa diingatkan sejak sebelum orang yang terlibat menjadi pemimpin. Tiada istilah istimewa apabila dilantik menjadi pemimpin kerana sepatutnya mereka menjadi 'pekerja' kepada rakyat dan bukan sebaliknya.

Selain itu, antara sifat keji yang perlu ditinggalkan oleh seorang pemimpin ialah sifat 'dusta'. Dengan pelbagai janji yang ditabur semasa kempen pilihan raya berlangsung, ia mesti diusahakan secara serius demi kebaikan rakyat yang dipimpinnya. Pastinya setiap anggota masyarakat berdepan dengan pelbagai masalah dan kesukaran dalam hidup. Maka menjadi tanggungjawab utama seorang pemimpin untuk memberi bantuan bagi menyelesaikan masalah tersebut, atau setidaknya mengurangkan penderitaan yang ditanggung.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran bermaksud: "Wahai orang beriman, mengapa kamu mengucapkan sesuatu yang tidak kamu kotakan. Besar benar dosanya di sisi Allah kalau kamu mengucapkan apa yang tidak kamu kotakan." (Surah al-Munafiqun, ayat 1-2)

Rasulullah SAW turut mengingatkan pemimpin tentang bahaya tanggungjawab yang tidak dilaksanakan menerusi sabda Baginda yang bermaksud: "Tiada seorang pun pemimpin yang menguasai urusan kaum Muslimin, lantas tidak berusaha

bersungguh-sungguh untuk kebaikan mereka dan tidak jujur kepada mereka, melainkan dia tidak akan masuk syurga bersama mereka." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Seorang pemimpin perlu menjadi contoh kepada pengikutnya dan mempunyai pengaruh besar dalam mencorakkan pemerintahannya menurut acuan Islam. Kepemimpinan Rasulullah SAW berasaskan akhlak mulia hingga mampu menarik golongan bukan Islam untuk memeluk Islam dan mentaati Baginda sebagai ketua negara.

Pemimpin adalah model dalam membentuk sahsiah yang baik dalam kepemimpinan dan kehidupan harian. Pemimpin akan sentiasa diperhatikan oleh rakyat. Bukan sahaja rakyat akan menilai pemimpin mereka, malah Allah SWT turut menilai setiap tindakan pemimpin. Oleh itu, pemimpin yang pernah memikul tanggungjawab kepemimpinan negara perlu berfikir berpanduan iman dalam usaha mereka untuk kembali menjadi pemimpin.

Keadaan negara hari ini merupakan kesan kepemimpinan pemimpin sebelum ini yang diberi amanah melaksanakan tanggungjawab. Sejauh mana pemimpin sebelum ini berjaya meraih reda Allah SWT atau mereka gagal menunaikan tanggungjawab sebagai pemimpin sepertimana yang dikehendaki oleh-Nya. Tepuk dada tanya iman.

Sekiranya pemimpin memiliki sifat-sifat terpuji (mahmudah), sepertimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, pastinya akan lahir masyarakat yang harmoni. Dalam konteks Malaysia, akhlak pemimpin boleh sahaja diperhatikan ketika mereka berada dalam Dewan Rakyat. Pemimpin yang gagal mempamerkan akhlak yang mulia tidak akan mendapat bimbingan daripada Allah SWT.

Malaysia perlu terdiri daripada kalangan pemimpin dan rakyat yang saling sayang-menyayangi, hormat-menghormati serta sentiasa diingati dalam doa. Inilah antara perkara yang boleh mendatangkan kesejahteraan, kemakmuran serta keberkatan negara kurniaan Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang maffhumnya: "Sebaik-baik pemimpin kamu adalah yang kamu cintai dan mereka pun mencintai kamu serta yang sentiasa kamu doakan dan mereka pun selalu mendoakan kamu." (Hadis riwayat Muslim)

Penulis Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSA)



Apli menyampaikan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin kepada pelajar IPT di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Mohd Said, Terengganu.



Penerima Bantuan Pengajian KPT-PTPTN bergambar bersama Dr. Apli Yusoff, Pengerusi PTPTN. (Foto ihsan PTPTN)

Program Bantuan KPT-PTPTN Prihatin bantu pelajar IPT

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengagihkan sumbangan kewangan berjumlah RM123,000 kepada 246 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang kurang berkemampuan di seluruh negara.

Bantuan kewangan itu antara inisiatif disediakan perbadanan itu menerusi program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin.

PTPTN dalam kenyataannya berkata, program diadakan untuk menyalurkan bantuan sara

hidup kepada peminjam yang kurang berkemampuan di IPT dan meringankan beban kewangan mereka.

"Setiap pelajar yang layak akan menerima bantuan RM500 secara *one off* (sekali bayar) dan disalurkan menerusi akaun bank mereka.

"Bagi memastikan pelaksanaan program ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan menepati kumpulan sasaran ditetapkan, PTPTN mengadakan kerjasama dengan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Ja-

batan Perdana Menteri dan IPT terbabit," katanya.

Dalam pada itu, katanya majlis penyampaian Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin diadakan bermula 8 Oktober lalu di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Dato' Haji Abbas di Kuala Terengganu, Terengganu dan seterusnya kawasan lain.

Penyampaian bantuan di Terengganu, disempurnakan Pengerusi PTPTN, Dr. Apli Yusoff bersama Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat PTPTN, Wan Zawiah Wan

Abu Bakar serta Pengurus Besar PTPTN Terengganu, Azizah Nasik@Abd Rashid.

Tingkat akses pendidikan

Apli berkata, program berimpak tinggi oleh PTPTN itu membolehkan masyarakat terus mendapat bantuan sewajarnya dalam usaha meningkatkan akses pendidikan tanpa mengira kaum dan latar belakang.

"Saya berharap sumbangan ini dapat membantu mengurangkan beban kewangan pelajar di IPT.

"Jadikan bantuan ini sebagai pendorong untuk berusaha bersungguh-sungguh dan fokus kepada pembelajaran bagi mencapai keputusan cemerlang, sekali gus mendapat pekerjaan baik serta mampu mengubah nasib keluarga untuk menikmati kehidupan lebih selesa," katanya.

Beliau berkata, inisiatif Program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin ini diharapkan akan memberikan impak positif dan manfaat kepada pelajar seterusnya membina lebih ramai graduan cemerlang.

SINAR HARIAN • SABTU 8 OKTOBER 2022

MALAYSIA
BERINTEGRITI

NASIONAL | 19

Pelajar IPT sentiasa dibantu

PTPTN prihatin bantu pelajar tampung kos sara hidup di kampus

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedar dan cakna bahawa tidak semua mereka yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) datang dari keluarga yang senang.

Pelbagai perkara perlu disiapkan oleh mereka yang hendak masuk universiti ataupun IPT. Bukan sahaja dari segi emosi dan mental pelajar serta ibu bapa, tetapi juga dari segi kelengkapan fizikal, khususnya wang ringgit untuk perbelanjaan anak-anak.

Justeru, Menteri KPT, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menjelaskan, pihak kementerian melalui agensi di bawahnya ada menawarkan pelbagai bantuan kepada para pelajar yang memerlukan.

"Seperti pada hari ini, pihak PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) berbesar hati untuk memberikan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin kepada seramai 38 pelajar dari kawasan Parlimen Parit Sulong, yang mengikuti pengajian di IPT seluruh negara.

"Bantuan ini bertujuan untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan menampung kos sara hidup di IPT. Sejumlah RM19,000 telah diperuntukkan untuk inisiatif ini," katanya pada Program Pembangunan Mahasiswa Baharu dan Sesi Ramah Mesra Bersama Menteri Pengajian Tinggi di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, pada Khamis.

Melalui Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin, setiap pelajar menerima sebanyak RM500 secara one-off, terus ke dalam akaun bank pelajar.

Jelas Noraini lagi, PTPTN turut menyediakan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) kepada pelajar baharu yang berjaya melanjutkan pengajian di IPTA dan Politeknik.

Kata beliau, pemberian WPP ini adalah untuk membolehkan pelajar baharu membuat persiapan awal seperti membeli



Penerima WPP-PTPTN bergambar bersama Noraini dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid (belakang, tengah).

pakaian, peralatan untuk pembelajaran, kos pengangkutan termasuk membayar sebahagian yuran pengajian.

"Ini juga merupakan antara usaha PTPTN untuk memastikan bahawa tidak ada pelajar yang gagal memasuki IPT disebabkan oleh masalah kewangan.

"Alhamdulillah, bagi kemasukan pelajar peringkat ijazah ke IPTA dan Politeknik Sesi Oktober 2022 ini, seramai 28,278 pelajar telah ditawarkan WPP melibatkan peruntukan sebanyak RM42.4 juta.

"Di negeri Johor sahaja, seramai 3,520 pelajar ditawarkan WPP dengan peruntukan sebanyak RM5.28 juta. Manakala untuk Parlimen Parit Sulong, seramai 108 pelajar yang telah dikenal pasti mendapat tawaran WPP dengan peruntukan sebanyak RM162,000," katanya.

Surat tawaran WPP mempunyai tempoh sah laku selama dua bulan dan tempoh sah bermula pada 5 Oktober hingga 5 Disember depan.

Pelajar boleh menunaikan WPP di mana-mana kaunter Bank Islam mulai 5 Oktober dengan membawa surat tawaran dan MyKad pelajar untuk pengesahan diri.

Pada masa sama, PTPTN juga rancang mempromosikan Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Tahun 2022.

Ujar Noraini, program berkenaan melibatkan sumbangan zakat PTPTN kepada 17,800 pelajar asnaf di 178 kawasan terpilih di 12 negeri.

Sumbangan diberikan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime dan melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.78 juta.

"Secara umumnya, program ini bertujuan untuk membantu pelajar asnaf dari aspek pendidikan, selain sebagai galakan awal untuk memulakan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak Keluarga Malaysia.

"Bagi Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Tahun 2022 Peringkat Negeri Johor pada hari ini, sebanyak 26 kawasan terlibat dengan sejumlah RM260,000 telah diperuntukkan dan setiap kawasan bakal menerima RM10,000.

"Di setiap kawasan ini pula, seramai 100 pelajar asnaf akan menerima sumbangan akaun Simpan SSPN Prime bernilai RM100 seorang," jelas beliau.

Noraini juga merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) dan juga pemimpin setempat yang banyak membantu pihak KPT dan PTPTN untuk mengenal pasti pelajar asnaf yang layak.



Noraini menyampaikan replika kad Simpan SSPN Prime kepada murid Kemas sebagai penerima Program Kembara Keluarga Simpan SSPN.

TAWARAN WPP:

- Surat tawaran WPP mempunyai tempoh sah laku selama dua (2) bulan, bermula pada 5 Oktober hingga 5 Disember.
- Pelajar yang mendapat surat tawaran WPP boleh menunaikan WPP di mana-mana kaunter Bank Islam mulai 5 Oktober.



Penyerahan replika cek Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Peringkat Negeri Johor berjumlah RM260,000 kepada Timbalan Pengarah Kemas Negeri Johor, Wan Assim Wan Sheikh.



Penyerahan replika kad berjumlah RM500 oleh Noraini kepada penerima Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin.

246 pelajar IPT terima bantuan RM500

30/10/22 SINAR M 12

PTPTN bantu ringan beban peminjam daripada golongan kurang berkemampuan.

Oleh NORSHAHZURA
MAT ZUKI
SHAH ALAM

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menerusi program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin telah memperuntukkan RM123,000 kepada 246 pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara yang merupakan peminjam agensi itu daripada golongan yang kurang berkemampuan.

PTPTN dalam satu kenyataan berkata, program itu diadakan untuk menyalurkan bantu-



Apli (barisan kedua, tengah) bersama penerima Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin.



PTPTN membantu meringankan beban kewangan pelajar menerusi Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin berjumlah RM500.

an sara hidup kepada pelajar yang kurang berkemampuan bagi meringankan beban kewangan mereka.

"Setiap pelajar yang layak akan menerima bantuan sebanyak RM500 secara *one off* dan akan disalurkan ke dalam akaun bank pelajar.

"Bagi memastikan pelaksanaan program ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan, PTPTN telah mengadakan kerjasama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan IPT terlibat," jelas kenyataan itu pada Sabtu.

Menurut kenyataan itu, Pengerusi PTPTN, Dr Apli Yusoff telah menyampaikan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin yang diadakan bermula 8 Oktober lalu, di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Dato' Haji Abbas, Terengganu dan seterusnya akan ke lokasi yang lain.

Turut hadir, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN, Wan Zawiah Wan Abu Bakar dan Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Terengganu, Azizah Nasik@Abd Rashid.

Sementara itu, Apli berkata, dalam usaha meningkatkan ak-

ses pendidikan kepada masyarakat tanpa mengira kaum dan latar belakang, PTPTN telah mengadakan pelbagai program berimpak tinggi bagi membolehkan masyarakat terus mendapat bantuan sewajarnya.

"Saya berharap sumbangan ini dapat membantu mengurangkan beban kewangan pelajar di IPT.

"Jadikan bantuan ini sebagai pendorong untuk berusaha bersungguh-sungguh dan fokus kepada pembelajaran bagi mencapai keputusan yang cemerlang sekali gus mendapat pekerjaan yang baik serta mampu mengubah nasib keluarga kelak," katanya.

Undi pos pelajar IPT

Dari muka 1

“Kuasa yang sama boleh diberikan kepada SPR jika pelajar yang menuntut di Malaysia ingin dibenarkan mengundi secara pos.

“SPR mempunyai kuasa di sisi undang-undang untuk mengkaji polisi mereka yang layak dikategorikan dalam senarai pemilihan pos dan keputusan itu boleh dilaksanakan serta merta bagi PRU15 ini jika SPR berpandangan itu wajar dan proses berkaitan dapat diadakan mengikut jadual,” katanya di sini semalam.

Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 mengubah syarat umur pemilih yang layak diturunkan kepada 18 daripada 21 tahun dan pendaftaran pemilih dibuat secara automatik.

Bagaimanapun, hasrat untuk melihat lebih ramai rakyat mengundi tidak tercapai kerana kekangan kos perbelanjaan untuk pulang mengundi di negeri masing-masing terutama golongan pelajar.

Menurut peraturan SPR sedia ada, setiap pengundi berdaftar harus hadir dan mengundi secara sendiri di pusat mengundi ditetapkan SPR, melainkan pengundi yang diklasifikasikan sebagai Pengundi Tidak Hadir seperti ditakrifkan dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

Pada masa ini, golongan yang dibolehkan melaksanakan undi pos adalah anggota tentera dan pasangan; Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pasangan serta Pasukan Gerakan Am (PGA) yang tidak dapat hadir semasa Hari



SPR sebelum ini pernah menambah kategori tambahan pengundi pos iaitu dalam kalangan anggota dan pegawai sembilan agensi kerajaan melalui Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 23 Oktober 2017.”

Mengundi Awal kerana bertugas termasuk petugas media, petugas pilihan raya.

Selain itu ialah bagi kategori pengundi pos luar negara iaitu warganegara Malaysia di luar negara; pelajar dan pasangan di luar negara yang didaftarkan sebagai Pengundi Tidak Hadir Luar Negara serta penjawat awam di luar negara dan pasangan.

SPR sebelum ini pernah menambah kategori tambahan pengundi pos iaitu dalam kalangan anggota dan pegawai sembilan agensi kerajaan melalui Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 23 Oktober 2017.

Mingguan Malaysia kelmarin melaporkan sebahagian besar daripada 1.3 juta penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara mungkin terlepas

peluang mengundi buat pertama kali dalam pilihan raya umum (PRU) disebabkan memerlukan belanja besar untuk pulang.

Keadaan itu lebih dirasakan pelajar yang berada jauh dari kampung terutama berasal dari Sabah dan Sarawak yang menuntut di Semenanjung atau sebaliknya, serta mereka yang mengundi di Johor tetapi belajar di Pantai Timur atau utara tanah air.

Menurut Wan Ahmad Fauzi, setiap warganegara yang layak berhak memilih calon pada pilihan raya bagi membawa suara dan aspirasi mereka ke dalam proses penggubalan undang-undang sama ada di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dan hak itu termaktub dalam Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, pendaftaran pemilih sebagai pengundi secara automatik dan Undi 18 sudah diluluskan Parlimen bagi memudahkan rakyat sejajar dengan tanggungjawab yang dinyatakan dalam Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Sejajar dengan itu, beliau berkata, SPR boleh menambahkan kategori pelajar berusia 18 tahun dan ke atas yang sedang menuntut dalam negara dalam senarai pemilihan pos yang layak dan mewartakannya di bawah Peraturan 3(1)(e).

“Jika pelajar universiti itu sudah termasuk dalam pengundi tidak hadir, maka mereka boleh mengundi di tempat yang ditetapkan SPR mengikut kaedah di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003,” kata Wan Ahmad Fauzi.

Waktu Solat



	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:56	1:05	4:25	7:02	8:12
Alor Setar	5:55	1:05	4:24	7:02	8:12
Pulau Pinang	5:55	1:05	4:24	7:03	8:13
Ipoh	5:52	1:03	4:22	7:01	8:12
Kuala Lumpur	5:49	1:00	4:19	6:59	8:10
Shah Alam	5:49	1:00	4:19	6:59	8:10
Johor Bahru	5:38	12:52	4:09	6:52	8:03
Kuantan	5:43	12:55	4:13	6:54	8:04
Seremban	5:46	12:59	4:17	6:59	8:09
Bandar Melaka	5:45	12:58	4:16	6:58	8:08
Kota Bharu	5:48	12:58	4:17	6:55	8:01
K. Terengganu	5:43	12:54	4:13	6:52	8:02

Renungan

Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).

- Surah Hud
Ayat 6

ms 16

Kagum semangat mahasiswa baharu



ANALISIS
MUKA 16

ROSLAWATY RAIEH

Kebanyakan universiti di negara ini mula menerima kedatangan pelajar baharu bagi sesi 2022/2023.

Pelajar baharu yang mendaftar itu terdiri daripada lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrikulasi, Asasi, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan juga pelajar antarabangsa.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) misalnya, seramai 4,166 pelajar baharu yang layak dan dipilih menjadi sebahagian daripada warga universiti.

Manakala di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pula, mereka menerima kemasukan pelajar seramai 4,576 orang bagi kemasukan sesi 2022/2023.

Bagi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), seramai 2,300 pelajar baharu pengajian peringkat ijazah sarjana muda mendaftar bagi kemasukan semester satu sesi 2022/2023.

Melihatkan kepada jumlah ribuan pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke menara gading, maka ia telah membuktikan yang negara Malaysia sememangnya memiliki ramai anak-anak yang bijak.

Berbalik kepada pelajar yang layak ke universiti, ingin penulis jelaskan bahawa kehidupan di kampus bukanlah semudah belajar di sekolah rendah dan menengah.

Ini kerana, pelbagai cabaran yang perlu anda tempuhi sehinggalah ada antaranya seakan menyesal dan

mahu pulang ke rumah kerana terlalu rindukan keluarga.

Bagaimanapun, tidak semua pelajar baharu bersikap sedemikian. Mungkin hanya segelintir sahaja kerana tidak pernah berjauhian dengan ibu bapa dan adik beradik yang lain.

Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Ts Dr Ruzairi Abdul Rahim dalam satu kenyataan berkata, pelajar yang terpilih ke universiti sepatutnya gembira dan merasakan diri bertuah kerana berjaya menjadi sebahagian daripada keluarga kampus.

Naib Canselor UniSZA, Profesor Dr Fadli Adam pula turut menitipkan pesanan kepada pelajar baharu yang mendaftar di universiti itu.

"Selamat menempuh kehidupan kampus yang penuh dengan cabaran. Semoga anda semua dapat mengikuti pengajian dan menjaga nama universiti dengan baik," katanya.

Sementara itu, dalam kemeriahan proses pendaftaran pelajar baharu ke universiti, penulis tertarik dengan kisah pelajar bernama Lau Lai Kiat yang berjaya menyambung pengajian ke Universiti Malaya (UM) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan.

Dia yang hanya menunggang motosikal sambil mengendong sebuah beg pakaian dan juga peralatan pengajian, tetap hadir ke UM untuk mendaftar walaupun tidak ditemani ahli keluarga seperti pelajar lain.

Kesungguhan, kekuatan, kecekalan dan semangat yang ada pada pelajar ini wajar dicontohi oleh semua pelajar lain. Penulis *salute*.

Satu lagi kisah yang penulis rasa mampu memberi inspirasi kepada generasi hari ini. Cerita tentang dua pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) yang diterima masuk ke

Universiti Utara Malaysia (UUM) membuktikan bahawa kekurangan diri mereka bukan halangan untuk ke menara gading.

Anis Aqilah Za'aba, 21 dan Nur Irdina Fatini Rosli, 20, masing-masing yang diuji dengan buta sebelah mata kanan akibat penyakit 'Sistemik Lupus Eritematosus' (SLE) dan menghidap penyakit 'Autism Asperger Syndrome' tetap berharap mereka dapat belajar dengan sebaik mungkin sekali gus menimba pengalaman berharga di UUM.

Bagi pasangan kembar tiga beradik lelaki yang telah menerima tawaran menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan di Universiti Sains Malaysia (USM) pula, melahirkan rasa gembira apabila kesemuanya berjaya ke universiti yang sama.

Mohamed Azmin Dawlath Mohamed, Mohamed Azwan Dawlath Mohamed dan Mohamed Azrul Dawlath Mohamed yang masing-masing berusia 22 tahun tidak pernah berpisah sejak zaman persekolahan lagi dan peluang belajar ke USM bagaikan satu kenangan terindah buat mereka.

Akhir sekali, penulis ingin mengucapkan tahniah kepada semua pelajar yang berjaya menyambung pengajian ke universiti. Selamat menempuh perigalaman baharu di kampus dan belajarlah bersungguh-sungguh demi membanggakan ibu dan bapa.

Kepada yang kurang bernasib baik pula, jangan bersedih dan berputus asa kerana kegagalan bukanlah satu pengakhiran tetapi ia satu permulaan menuju kejayaan.

Teruskan melangkah kerana sudah pasti kejayaan menanti kelak, insya-ALLAH.

*Roslawaty Raieh ialah wartawan Sinar Bestari

Dua warga emas daftar sambung pengajian di UniSZA

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA NERUS: Dua warga emas yang bersahabat menjadi perhatian apabila mereka mendaftar menyambung pengajian di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini bagi sesi 2022/2023, semalam.

M. Khrishnan, 77, dan Ramesh Rajagopal, 56, mendaftar sebagai pelajar Ijazah Sarjana Muda Undang-undang selama empat tahun tempoh pengajian.

Khrishnan ketika ditemui berkata, beliau memilih untuk menyambung pelajaran kerana baginya pembelajaran seumur hidup mustahak untuk menjadikannya seorang insan yang berguna dan berwibawa.

"Saya dapat sokongan sepenuhnya daripada isteri dan anak-anak saya yang sanggup berkorban masa demi mencapai cita-cita saya," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bapa kepada lima orang anak itu yang juga merupakan pesara kerajaan di Jabatan Kerajaan Negeri Pahang sudah lama berhasrat untuk mengenggam segulung ijazah dan begitu gembira kerana impian itu bakal menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Sementara itu, Ramesh Rajagopal pula memilih untuk menyambung pengajian undang-undang di UniSZA kerana ingin menjadi seorang peguam yang bertauliah dan memastikan agar anak guaman memperoleh keadilan yang saksama.

"Saya mahu membantu golongan kurang upaya mendapatkan keadilan dengan mengendalikannya secara 'pro bono'."

"Saya bersedia untuk meluangkan masa bagi mencapai cita-cita saya di samping memenuhi komitmen keluarga serta memberi inspirasi kepada anak saya yang sedang belajar," katanya yang mempunyai tiga cahaya mata.

Khrishnan dan Ramesh yang berasal dari Kuantan, Pahang memilih untuk tinggal di luar kampus bagi memudahkan pergerakan mereka sekiranya mempunyai urusan keluarga.

Seramai 2,299 pelajar baharu peringkat ijazah sarjana muda mendaftar di universiti tersebut semalam.



M. KHRISHNAN (kanan) dan Ramesh Rajagopal merupakan antara pelajar baharu yang mendaftar di UniSZA, Kuala Nerus, Terengganu, semalam. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN



PELAJAR terpilih galas harapan keluarga menjadi insan berjaya.



PELAJAR bertuah menerima tawaran melanjutkan pengajian.



NORAINI (kanan) menyerahkan sumbangan kepada seorang pelajar terpilih bagi program SULUNG oleh KPT.

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terus cakna dengan permasalahan rakyat khususnya dalam memastikan akses kepada pendidikan tinggi dapat dirasai oleh semua golongan masyarakat terutamanya dalam kalangan B40. Bertitik tolak daripada aspirasi yang dicetuskan Menteri Pengajian Tinggi Dr Noraini Ahmad ketika Majlis Amanat Tahun Baharu Kementerian Pengajian Tinggi pada 17 Januari lalu, KPT melaksanakan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia atau dikenali sebagai program SULUNG.

Program itu menjadi penanda aras kepada program seumpamanya iaitu *First in Family* di United Kingdom (UK) dan Australia serta program *First-Generation College Student* di Amerika Syarikat (AS).

KPT berkata, pelaksanaan program SULUNG itu bertujuan memberi peluang kepada generasi pertama dalam kalangan keluarga B40 yang belum ada ahli keluarga melanjutkan pengajian ke pusat pengajian tinggi iaitu di peringkat ijazah sarjana muda dan ke atas.

Katanya, dengan program itu, siswa SULUNG ini bukan saja mampu membawa kepada masa depan pelajar, malah dapat membawa keluarga mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

Peluang jadi mahasiswa pertama dalam keluarga

Program SULUNG cetusan KPT bantu generasi pertama B40 bina masa depan cerah

10

Bilangan siswa SULUNG akan dipilih daripada lapan Universiti Awam bagi pelaksanaan Kohort 1 Tahun 2022

"Berpaksikan kepada semangat #KPTPrihatin, program ini adalah satu bentuk program pembangunan berstruktur khusus untuk B40 terpilih bagi membangunkan potensi diri agar kisah kejayaan mereka nanti dapat menjadi pemangkin pembangunan individu, keluarga dan komuniti.

"Program ini juga menyasarkan pelajar B40 yang memperoleh keputusan cemerlang, namun tidak dapat meneruskan pengajian kerana kekangan kewangan keluarga," kata KPT.

Mengulas lanjut KPT berkata, program itu tidak dibuka untuk permohonan sebaliknya ia adalah berdasarkan kepada permohonan pelajar dalam sistem UPUOnline.

"Calon siswa SULUNG akan dikenal pasti oleh KPT

berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan.

"Bagi pelajar yang terpilih, mereka bakal menerima empat manfaat iaitu laluan khas ke universiti, bantuan kewangan dalam bentuk dermasiswa dan elaun, kebajikan dan pembangunan insaniah serta program peningkatan kebolehpasaran graduan," katanya.

KPT berkata, melalui inisiatif ini, pelajar akan ditaja sepanjang tempoh pengajiannya.

"Selain itu, mereka juga akan dibantu oleh pihak KPT serta universiti terbabit melalui pelbagai program intervensi dalam bentuk pembangunan akademik dan sahsiah.

"Menerusi inisiatif ini, kami berharap supaya graduan yang dilahirkan adalah seimbang dan holistik, merangkumi latihan kemahiran profesional, program kepemimpinan dan komuniti serta pendedahan dengan industri dan antarabangsa bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan apabila tamat pengajian kelak," katanya.

Bagi pelaksanaan Ko-

hort 1 Tahun 2022, seramai 10 orang siswa SULUNG akan dipilih daripada lapan Universiti Awam (UA) perintis iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Pelajar yang terpilih sebagai Siswa SULUNG untuk

Kohort 1 ini pula akan dihubungi oleh pihak universiti untuk penyerahan surat tawaran SULUNG.

Contohnya, pada 26 September lalu terdapat dua pelajar di Johor menerima surat tawaran SULUNG iaitu Intan Nasuha Md Noh dan Nurul Aishah Mohd Dani yang masing-masing ditawarkan program Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia di UKM.

Pada 29 September lalu pula, KPT menyerahkan surat tawaran SULUNG kepada Kaviarusu Linggam yang bakal menyambung pengajiannya dalam program Kejuruteraan Elektronik di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

KPT berkata, program dijadualkan dilancarkan pada 19 Oktober ini di UKM akan diperluaskan pelaksanaannya di semua UA di seluruh negara pada tahun hadapan.

"Justeru, KPT ingin menyeru kepada syarikat swasta dan badan korporat untuk bersama-sama KPT sebagai rakan strategik Program SULUNG untuk tampil ke depan menghulurkan sumbangan bagi membantu menjayakan program ini sama ada dalam bentuk kewangan, barangan atau apa-apa bentuk yang bersesuaian.

"Semoga dengan jalinan kerjasama ini, program itu akan dapat diperluaskan pelaksanaannya pada masa depan bagi memberi manfaat kepada lebih ramai siswa SULUNG," katanya.



NORAINI